

MENGGAPAI DARJAT HAJI MABRUR: CABARAN MENJAGA DAN MENGEKALKANNYA

hambali.jaili@unissa.edu.bn

1. Pendahuluan

Ibadah haji merupakan salah satu rukun Islam yang lima, yang wajib dilaksanakan oleh setiap muslim yang mukallaf. Justeru, setiap muslim mestilah menanam di dalam hati serta berazam untuk menunaikan ibadah haji dan sentiasa berusaha sedaya mungkin dalam melaksanakan perintah Allah SWT tersebut. Hal ini jelas sepertimana firman Allah SWT di dalam Surah Ali-Imran seperti berikut:

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

Maksudnya: *“Dan Allah mewajibkan manusia mengerjakan ibadat Haji dengan mengunjungi Baitullah iaitu sesiapa yang mampu sampai kepadanya.”* (Ali-Imran: 97)

Menurut Syeikh al-Maraghi dalam menafsirkan ayat di atas, ia menerangkan bahawa ibadah haji ini diwajibkan kepada setiap orang muslim mukallaf yang berkemampuan. Hal ini kerana, perintah haji merupakan satu penghormatan besar kepada Baitullah bermula dari zaman Nabi Ibrahim A.S sehinggalah ke zaman Nabi Muhammad SAW. Justeru, perlaksanaan ibadah haji dan umrah mampu menjadi mercu tanda dan bukti pengabdian setiap hamba kepada Penciptanya. (*Tafsir al-Maraghi, 2/853*)

Seterusnya, Nabi SAW turut menegaskan berkenaan hal tersebut di dalam sabdanya yang berikut:

بُنِيَ الْإِسْلَامُ عَلَى خَمْسٍ شَهَادَةِ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ وَإِقَامِ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءِ الزَّكَاةِ وَحِجِّ الْبَيْتِ وَصَوْمِ رَمَضَانَ

Maksudnya: *“Islam didirikan di atas lima perkara: Bersaksi bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW adalah hambaNya dan pesuruhNya, mendirikan solat, mengeluarkan zakat, **menunaikan haji ke Baitullah**, dan berpuasa di bulan Ramadhan.”* (Riwayat Muslim)

Merujuk kepada persoalan di atas, hukum mengerjakan ibadah haji dan umrah adalah **wajib** dikerjakan sekali seumur hidup bagi mereka yang berkemampuan. Namun, ibadah haji dan umrah ini dikira sunat untuk dikerjakan secara berulang-ulang kali. Ini kerana terdapat banyak kelebihan yang telah dijanjikan kepada sesiapa yang melaksakan ibadah haji dan umrah dengan penuh keikhlasan dan ketakwaan.

Daripada Abu Hurairah R.A, Rasulullah SAW bersabda:

الْعُمْرَةُ إِلَى الْعُمْرَةِ كَفَّارَةٌ لِمَا بَيْنَهُمَا وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ

Maksudnya: *“Ibadah umrah kepada umrah berikutnya adalah kaffarah (penghapusan dosa) di antara kedua-duanya. Dan haji yang mabrur tiada balasan (bagi pelakunya) melainkan syurga.”* Riwayat Al-Bukhari (1773) dan Muslim (1449)

Hadith di atas jelas menunjukkan kepada kita bahawa pensyariatan ibadah haji dan umrah merupakan satu pensyariatan yang agung di sisi Allah SWT. Hal ini jelas dapat dilihat berdasarkan hadith yang telah dinyatakan seperti di atas. Nabi SAW telah menjanjikan balasan syurga kepada sesiapa yang mencapai tahap *mabrur* dalam pelaksanaan ibadah hajinya. Begitu juga kepada sesiapa yang melaksanakan ibadah umrah secara berulang kali, dosa-dosa kecil mereka akan dihapuskan sepanjang tempoh jarak ibadah umrah tersebut.

2. Bila bermula kewajipan haji?

Haji adalah merupakan salah satu dari hukum Islam yang lima yang wajib ditunaikan oleh setiap Muslim, lelaki dan perempuan apabila cukup syarat-syaratnya. Menurut jumhur ulama', fardhu haji mula diwajibkan pada tahun ke enam Hijrah kerana pada tahun itulah turunnya wahyu Allah:

Maksudnya: *"Dan tunai atau sempurnakanlah ibadat haji dan umrah kerana Allah"*
(Surah Al- Baqarah ayat 196)

Dalam pada itu Ibnul Qaiyim menguatkan pendapat bahawa mulai diwajibkan haji itu ialah pada tahun ke sembilan atau ke sepuluh Hijrah. Sesiapa yang menafikan hukum wajib haji itu maka bererti kufur dan murtadlah ia dan terkeluar dari Agama Islam. Sebagaimana firman Allah

Maksud: *"Dan menjadi kewajipanlah bagi manusia terhadap Allah untuk mengunjungi rumah itu bagi yang sanggup berjalan diantara mereka. Dan barang siapa yang mengingkarinya, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak memerlukan sesuatu) dari sekalian alam"* (Surah Ali Imran ayat 97)

Dari segi sejarah, ibadah haji ialah syariat yang dibawa oleh junjungan Nabi kita Muhammad S.A.W. sebagai membaharui dan menyambung ajaran Nabi Allah Ibrahim A.S. Ibadat haji mula diwajibkan ke atas umat Islam pada tahun ke-6 Hijrah. Pada tahun tersebut Rasulullah S.A.W. bersama-sama lebih kurang 1500 orang telah berangkat ke Makkah untuk menunaikan fardhu haji tetapi tidak dapat mengerjakannya kerana telah dihalang oleh kaum Quraisy sehinggalah mewujudkan satu perjanjian yang dinamakan perjanjian Hudaibiah. Perjanjian itu membuka jalan bagi perkembangan Islam di mana pada tahun berikutnya (Tahun ke-7 Hijrah), Rasulullah telah mengerjakan Umrah bersama-sama 2000 orang umat Islam. Pada tahun ke-9 Hijrah barulah ibadat Haji dapat dikerjakan di mana Rasulullah S.A.W. mengarahkan Saidina Abu Bakar Al-Siddiq mengetuai 300 orang umat Islam mengerjakan haji.

Nabi Muhammad S.A.W telah menunaikan fardhu haji sekali sahaja semasa hayat baginda. Haji itu dinamakan "*Hijjatul Wada'/ Hijjatul Balagh/ Hijjatul Islam* atau *Hijjatuttamam Wal Kamal* kerana selepas haji itu tidak berapa lama kemudian baginda pun wafat. Baginda telah berangkat ke Madinatul Munawwarah pada hari Sabtu, 25 Zulkaedah tahun 10 Hijrah bersama isteri dan sahabat-sahabatnya seramai lebih 90,000 orang Islam. Baginda telah menyempurnakan amalan-amalan sunat Ihram, memakai ihram dan berniat ihram di Zulhulaifah, sekarang dikenali dengan nama Bir Ali, 10 km daripada Madinah dan baginda sampai di Makkah pada 04 Zulhijjah setelah mengambil masa 9 hari dalam perjalanan. Baginda berangkat ke Mina pada 08 Zulhijjah dan bermalam di situ. Kemudian ke Arafah untuk berwukuf pada 09 Zulhijjah yang jatuhnya pada hari Jumaat. Rasulullah S.A.W telah menyempurnakan semua rukun dan wajib haji hingga 13 Zulhijjah. Dan pada 14 Zulhijjah, Rasulullah S.A.W telah berangkat meninggalkan Makkah Al-Mukarramah menuju balik ke Madinah Al-Munawwarah.

3. Fadilat Ibadah Haji

Sememangnya banyak dalil yang menyebutkan tentang keutamaan ibadah haji. Justeru itu ia merupakan ibadah yang terakhir dalam rangkaian rukun Islam yang lima kerana tuntutan taklif bagi perlaksanaannya adalah mencakupi persiapan mental, spiritual, rohani, jasmani, material termasuk ahli keluarga yang akan ditinggalkan.

Dari Ibnu Umar, Nabi *shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda,

الْغَارِي فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالْحَاجُّ وَالْمُعْتَمِرُ وَفَدُّ اللَّهِ دَعَاهُمْ فَأَجَابُوهُ وَسَأَلُوهُ فَأَعْطَاهُمْ

“Orang yang berperang di jalan Allah, orang yang berhaji serta berumrah adalah tetamu-tetamu Allah. Allah memanggil mereka, mereka pun memenuhi panggilan. Oleh kerana itu, jika mereka meminta kepada Allah pasti Allah akan beri” (HR. Ibnu Majah no 2893. Syaikh Al Albani mengatakan bahwa hadits ini *hasan*).

Dalam hadits Ibnu 'Umar yang lainnya disebutkan,

أَمَّا خُرُوجُكَ مِنْ بَيْتِكَ تَوُّمُ الْبَيْتِ فَإِنَّ لَكَ بِكُلِّ وَطْأَةٍ تَطَأُهَا رَاحِلَتُكَ يَكْتُبُ اللَّهُ لَكَ بِهَا حَسَنَةً ,
 وَيَمْحُو عَنْكَ بِهَا سَيِّئَةً , وَأَمَّا وَقُوفُكَ بِعَرَفَةَ فَإِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يَنْزِلُ إِلَى السَّمَاءِ الدُّنْيَا فَيُبَاهِي بِهِمُ
 الْمَلَائِكَةَ , فَيَقُولُ: هَؤُلَاءِ عِبَادِي جَاءُونِي شُعْنًا غُبْرًا مِنْ كُلِّ فَجٍّ عَمِيقٍ يَرْجُونَ رَحْمَتِي ,
 وَيَخَافُونَ عَذَابِي , وَلَمْ يَرُونِي , فَكَيْفَ لَوْ رَأُونِي؟ فَلَوْ كَانَ عَلَيْكَ مِثْلُ رَمْلِ عَالِجٍ , أَوْ مِثْلُ أَيَّامِ
 الدُّنْيَا , أَوْ مِثْلُ قَطْرِ السَّمَاءِ دُنُوبًا غَسَلَ اللَّهُ عَنْكَ , وَأَمَّا رَمِيمُكَ الْجِمَارَ فَإِنَّهُ مَذْخُورٌ لَكَ , وَأَمَّا
 حَلْفُكَ رَأْسَكَ , فَإِنَّ لَكَ بِكُلِّ شَعْرَةٍ تَسْقُطُ حَسَنَةً , فَإِذَا طُفَّتَ بِالْبَيْتِ خَرَجْتَ مِنْ دُنُوبِكَ كَيَوْمِ
 وَلَدْتِكَ أُمُّكَ .

“Adapun keluarmu dari rumah untuk berhaji ke Ka’bah maka setiap langkah haiwan tungganganmu akan Allah catat sebagai satu kebaikan dan menghapus satu kesalahan. Sedangkan wukuf di Arafah maka pada saat itu Allah turun ke langit dunia lalu Allah bangga-banggakan orang-orang yang berwukuf di hadapan para malaikat.

Allah Ta’ala berfirman (yang ertinya), ‘Mereka adalah hamba-hambaKu yang datang dalam keadaan kusut berdebu dari segala penjuru dunia. Mereka mengharap kasih sayangKu, merasa takut dengan siksaKu padahal mereka belum pernah melihatKu. Bagaimana andai mereka pernah melihatKu?!

Andai engkau memiliki dosa sebanyak butir pasir di sebuah gurun pasir atau sebanyak hari di dunia atau seperti titis air hujan maka seluruhnya akan Allah bersihkan (ampunkan).

Lontaran jumrahmu merupakan simpanan pahala. Ketika engkau mencukur kepalamu maka setiap helai rambut yang jatuh bernilai satu kebaikan. Jika engkau thawaf, mengelilingi Ka’bah maka engkau terlepas dari dosa-dosamu sebagaimana ketika engkau terlahir dari rahim ibumu” (HR. Thabarani dalam Mu’jam Kabir no 1339. Syaikh Al Albani mengatakan bahwa hadits ini hasan sebagaimana dalam Shahihul Jaami’ no. 1360).

Ulama menyebutkan ada tujuh kelebihan utama dalam ibadah haji sepertimana berikut:

Pertama: Haji merupakan amalan yang paling afdhal.

Dari Abu Hurairah *radhiyallahu ‘anhu*, ia berkata,

سُئِلَ النَّبِيُّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - أَيُّ الْأَعْمَالِ أَفْضَلُ قَالَ « إِيْمَانُ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ » . قِيلَ ثُمَّ
« مَاذَا قَالَ » جِهَادٌ فِي سَبِيلِ اللَّهِ » . قِيلَ ثُمَّ مَاذَا قَالَ « حَجٌّ مَبْرُورٌ »

“Nabi shallallahu ‘alaihi wa sallam ditanya, “Amalan apa yang paling afdhal?” Baginda shallallahu ‘alaihi wa sallam menjawab, “Beriman kepada Allah dan Rasul-Nya.” Ada yang bertanya lagi, “Kemudian apa lagi?” Baginda shallallahu ‘alaihi wa sallam menjawab, “Jihad di jalan Allah.” Ada yang bertanya kembali, “Kemudian apa lagi?” “Haji mabrur”, jawab Nabi shallallahu ‘alaihi wa sallam.” (HR. Bukhari no. 1519)

Kedua: Jika ibadah haji tidak bercampur dengan dosa (syirik dan maksiat), maka balasannya adalah syurga.

Dari Abu Hurairah, Rasulullah shallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda,

وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ

“Dan haji mabrur tidak ada balasan yang layak baginya melainkan syurga.” (HR. Bukhari no. 1773 dan Muslim no. 1349).

Al Imam An Nawawi *rahimahullah* menjelaskan, “Yang dimaksudkan, ‘tidak ada balasan yang layak baginya melainkan syurga’, adalah bahwasanya haji mabrur tidak cukup jika pelakunya hanya dihapuskan sebahagian dari dosa kesalahannya. Bahkan ia memang layak untuk masuk syurga.” (Syarh Shahih Muslim, 9/119)

Ketiga: Haji termasuk jihad fii sabilillah (jihad di jalan Allah)

Dari 'Aisyah—ummul Mukminin—*radhiyallahu 'anha*, ia berkata,

يَا رَسُولَ اللَّهِ ، نَرَى الْجِهَادَ أَفْضَلَ الْعَمَلِ ، أَفَلَا نُجَاهِدُ قَالَ « لَا ، لَكِنَّ أَفْضَلَ الْجِهَادِ حَجٌّ
مَبْرُورٌ

“Wahai Rasulullah, kami memandang bahwa jihad adalah amalan yang paling afdhal. Apakah bermakna kami harus berjihad?” “Tidak. Jihad yang paling utama adalah haji mabrur”, jawab Nabi shallallahu ‘alaihi wa sallam.” (HR. Bukhari no. 1520)

Keempat: Haji akan menghapuskan kesalahan dan dosa-dosa

Dari Abu Hurairah, ia berkata bahwa ia mendengar Nabi shallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda,

مَنْ حَجَّ لِلَّهِ فَلَمْ يَرْفُثْ وَلَمْ يَفْسُقْ رَجَعَ كَيَوْمٍ وُلِدَتْهُ أُمُّهُ

“Siapa yang berhaji ke Ka’bah lalu tidak berkata-kata sia-sia dan tidak berbuat fasik (kejahatan) maka dia pulang ke tempatnya sebagaimana ketika ia dilahirkan oleh ibunya.” (HR. Bukhari no. 1521).

Kelima: Haji akan menghilangkan kefakiran dan dosa.

Dari Abdullah bin Mas’ud, Rasulullah shallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda,

تَابِعُوا بَيْنَ الْحَجِّ وَالْعُمْرَةِ فَإِنَّهُمَا يَنْفِيَانِ الْفَقْرَ وَالذُّنُوبَ كَمَا يَنْفِي الْكَبِيرُ حَبَثَ الْحَدِيدِ وَالذَّهَبِ
وَالْفِضَّةِ وَالْيَسَّ لِلْحَجَّةِ الْمَبْرُورَةِ ثَوَابٌ إِلَّا الْجَنَّةَ

“Ikutkanlah umrah kepada haji, karena keduanya menghilangkan kemiskinan dan dosa-dosa sebagaimana pembakaran api menghilangkan karat pada besi, emas, dan perak. Sementara tidak ada pahala bagi haji yang mabrur kecuali syurga.” (HR. An Nasai no. 2631, Tirmidzi no. 810, Ahmad 1/387. Kata Syaikh Al Albani hadits ini **hasan shahih**)

Keenam: Orang yang berhaji adalah tamu Allah

Dari Ibnu ‘Umar, dari Nabi shallallahu ‘alaihi wa sallam bersabda,

الْغَزَى فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالْحَاجُّ وَالْمُعْتَمِرُ وَفَدَى اللَّهُ دَعَاهُمْ فَأَجَابُوهُ وَسَأَلُوهُ فَأَعْطَاهُمْ

“Orang yang berperang di jalan Allah, orang yang berhaji serta berumrah adalah tamu-tamu Allah. Allah memanggil mereka, mereka pun memenuhi panggilan. Oleh itu, jika mereka meminta kepada Allah pasti akan Allah beri” (HR. Ibnu Majah no 2893. Syaikh Al Albani mengatakan bahwa hadits ini *hasan*).

4. Apa itu haji mabrur?

Di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah. Nabi saw pernah bersabda :

الْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ

Maksudnya :” *Haji mabrur tidak ada ganjaran baginya melainkan syurga.*” (Riwayat Ahmad (7348) di dalam Musnad).

Dari segi bahasa kata mabrur diambil daripada kata Barra, yang mengandung pelbagai makna seperti syurga, benar, diterima, pemberian, keluasan dalam kebajikan. Begitu juga antara maksud mabrur atau al-Bir ialah ihsan dengan makna lain jemaah haji yang memperoleh haji mabrur sudah pasti banyak melakukan ihsan dan sifat yang baik.

Di dalam kitab Lisan al-Arab (4/51), mabrur membawa maksud diberi ganjaran. Juga membawa maksud tidak bercampur dengan sesuatu daripada dosa.

Dari segi istilah pula, terdapat beberapa pandangan para ulama berkenaan dengannya. Ia telah dinukilkan oleh Imam al-Syaukani (w. 1255 H) di dalam kitabnya Nail al-Authar. Antara pandangan tersebut :

- Ibnu Khalawaih salah seorang pakar bahasa Arab berasal dari Yaman (w. 370H) berpendapat bahawa haji mabrur adalah haji yang maqbul (diterima oleh Allah SWT).
- Menurut Imam al-Qurtubi (w. 671 H) pendapat-pendapat yang dikemukakan oleh tokoh-tokoh lain itu saling berdekatan maknanya. Kesimpulannya, haji yang mabrur adalah haji yang sempurna hukum-hukumnya sehingga terlaksana secara sempurna sebagaimana yang dituntut.
- Al Imam al-Hasan al-Basri menyatakan bahawa haji mabrur ialah apabila seseorang itu pulang ke tanah watannya dengan perasaan zuhud pada dunia dan inginkan akhirat.
- Ibnu Kholawaih berkata, "Haji mabrur adalah haji yang maqbul (haji yang diterima)." Ulama yang lainnya mengatakan, "Haji mabrur adalah haji yang tidak dicampuri dengan dosa."
- Al Qurthubi *rahimahullah* menyimpulkan, "Haji mabrur adalah haji yang tidak dikotori oleh maksiat sewaktu melaksanakan manasik dan tidak ingin berbuat maksiat setelah pulang haji.
- An Nawawi *rahimahullah* (676H) berkata, "Pendapat yang paling kuat dan yang paling terkenal, haji mabrur adalah haji yang tidak dicampuri dosa, diambil dari kata-kata *birr* yang bermakna ketaatan. Ada juga yang berpendapat bahawa haji mabrur adalah haji yang diterima. *Di antara tanda diterimanya haji seseorang adalah adanya perubahan menuju yang lebih baik setelah pulang dari pergi haji dan tidak membiasakan diri melakukan berbagai maksiat.* Ada pula yang mengatakan bahawa haji mabrur adalah haji yang tidak tercampuri unsur riya'. Para ulama berpendapat bahawa haji mabrur adalah jika selesai haji ia tidak lagi bermaksiat. Dua pendapat yang terakhir telah tercakup dalam pendapat-pendapat sebelumnya."

Justeru difahami apa yang dimaksudkan dengan haji mabrur, maka orang yang berhasil mencapai kedudukan tersebut akan mendapatkan keutamaan sebagaimana yang disebutkan dalam sabda Nabi *shallallahu ‘alaihi wa sallam*,

وَالْحَجُّ الْمَبْرُورُ لَيْسَ لَهُ جَزَاءٌ إِلَّا الْجَنَّةُ

“Dan haji mabrur tidak ada balasan yang layak baginya selain syurga.” (HR. Bukhari no. 1773 dan Muslim no. 1349).

Dari Abu Hurairah *radhiyallahu ‘anhu*, ia berkata,

سُئِلَ النَّبِيُّ – صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ – أَيُّ الْأَعْمَالِ أَفْضَلُ قَالَ « إِيْمَانُ بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ » . قِيلَ ثُمَّ مَاذَا قَالَ « جِهَادٌ فِي سَبِيلِ اللَّهِ » . قِيلَ ثُمَّ مَاذَا قَالَ « حَجٌّ مَبْرُورٌ »

“Nabi *shallallahu ‘alaihi wa sallam* ditanya, “Amalan apa yang paling afdhal?” Baginda *shallallahu ‘alaihi wa sallam* menjawab, “Beriman kepada Allah dan Rasul-Nya.” Ada yang bertanya lagi, “Kemudian apa lagi?” Baginda *shallallahu ‘alaihi wa sallam* menjawab, “Jihad di jalan Allah.” Ada yang bertanya kembali, “Kemudian apa lagi?” “Haji mabrur” (HR. Bukhari no. 1519)

Dari ‘Aisyah—ummul Mukminin—*radhiyallahu ‘anha*, ia berkata,

يَا رَسُولَ اللَّهِ ، نَرَى الْجِهَادَ أَفْضَلَ الْعَمَلِ ، أَفَلَا نُجَاهِدُ قَالَ « لَا ، لَكِنَّ أَفْضَلَ الْجِهَادِ حَجٌّ مَبْرُورٌ

“Wahai Rasulullah, kami berpendapat bahawa jihad adalah amalan yang paling afdhal. Adakah bermakna kami harus berjihad?” “Tidak. Jihad yang paling utama adalah haji mabrur” (HR. Bukhari no. 1520)

Ibnu Hajar Asy Syafi’i *rahimahullah* mengatakan, “Haji disebut jihad karena di dalam amalan tersebut terdapat mujahadah (jihad) terhadap jiwa.”

Ibnu Rajab Al Hambali *rahimahullah* mengatakan, “Haji dan umrah termasuk jihad kerana dalam amalan tersebut seseorang berjihad dengan harta, jiwa dan badan. Sebagaimana Abusy Sya’tsa’ berkata, ‘Aku telah memperhatikan pada amalan-amalan kebaikan. Dalam shalat, terdapat jihad dengan badan, tapi tidak dengan harta. Begitu halnya pula dengan puasa. Sedangkan dalam haji, terdapat jihad dengan harta dan badan. Ini menunjukkan bahwa amalan haji lebih afdhal’.”

5. Tanda-tanda haji mabrur

Setiap orang yang menunaikan haji mengimpikan haji yang mabrur. Haji mabrur bukanlah sekadar haji yang sah. *Mabrur* berarti **diterima oeh Allah**, manakala *sah* bererti menggugurkan kewajiban taklif. Oleh itu boleh jadi haji seseorang sah sehingga kewajiban berhaji baginya telah gugur, namun belum tentu hajinya diterima oleh Allah *Ta’ala*.

Ini bermakna tidak semua yang hajinya sah secara syari’ akan beroleh haji yang mabrur. Ibnu Rajab al-Hanbali Rahimahulah mengatakan, “Mereka yang hajinya mabrur adalah sedikit, tapi berkemungkinan Allah memberikan kurnia rahmat kepada jamaah haji yang tidak baik disebabkan sebahagia kecil jamaah haji yang baik.”

Selain dari apa yang dinyatakan ulama bahawa tanda haji mabrur ialah perubahan iman seperti tidak berbuat maksiat selepas haji, terdapat nas hadis yang menyatakan bahawa haji mabrur mengandungi tanda-tanda berikut:

1. Suka menjamu makan
2. Suka memberi salam
3. Bual bicaranya penuh kebaikan

Di dalam sebuah hadis yang direkodkan oleh Imam Ahmad daripada Jabir Bin Abdullah. Nabi saw pernah ditanya tentang apakah kesan daripada haji mabrur. Nabi saw menyatakan :

إِطْعَامُ الطَّعَامِ وَإِفْتَاءُ السَّلَامِ

Maksudnya :” (Haji mabrur itu ialah) memberi makan dan menyebarkan salam.” (Riwayat Ahmad (14706) di dalam *Musnad*, al-Baihaqi (3825) di dalam *Sunan*)

Prof. Abdul Halim Mahmud, mantan Syeikh al-Azhar menulis bahawa haji merupakan simbol-simbol kerohanian yang sangat indah yang mengantarkan seorang Muslim apabila dilaksana dalam bentuk dan caranya yang benar untuk masuk dalam lingkungan Ilahi.

Daripada Abu Hurairah. Beliau berkata bahawa Nabi saw bersabda :

مَنْ حَجَّ هَذَا الْبَيْتَ فَلَمْ يَرْفُثْ وَلَمْ يَفْسُقْ رَجَعَ كَمَا وَلَدَتْهُ أُمُّهُ

Maksudnya :” Sesiapa yang menunaikan haji dalam keadaan dia tidak bercakap perkataan yang buruk dan keji serta tidak melakukan perkara yang fasiq maka dia akan kembali sepertimana dia dilahirkan oleh ibunya (iaitu dalam keadaan suci bersih dari dosa).”Riwayat al-Bukhari (1819)

Di dalam riwayat yang lain menyatakan :

كَيَوْمٍ وَلَدَتْهُ أُمُّهُ

Maksudnya :”seperti hari dia dilahirkan oleh ibunya.” Riwayat al-Bukhari (1820)

al-Qastalani menyatakan bahawa perumpaan tersebut adalah sebagai persamaan iaitu bebas dari sebarang dosa sama ada kecil atau besar. (*Irsyad al-Sari Syarh Sahih al-Bukhari* (3/290)

Hadis ini menunjukkan bahawa orang yang mendapat haji mabrur maka segala dosanya diampunkan oleh Allah. Inilah tafsiran kebanyakan para ulama. Ianya juga menunjukkan betapa istimewanya amalan haji.

Justeru, janganlah kita mengotori diri dengan kembali kepada dosa-dosa sebaik sahaja selesai menunaikan haji. Sebaliknya hendaklah kita memelihara semangat dan roh ibadah pada prestasi yang tertinggi yang pernah kita lakukan semasa acara manasik haji sebagai *mukhaiyyam tarbawi*.

6. Amalan selepas menunaikan haji.

Setelah meneliti nas dan amalan para salaf, antara amalan yang perlu dilakukan dan diteruskan oleh para jemaah haji selepas pulang dari Tanah Suci ialah :

- Memperbanyakkan zikrullah

Ini sangat bertepatan dengan firman Allah :

فَإِذَا قَضَيْتُمْ مَنَاسِكَكُمْ فَادْكُرُوا اللَّهَ كَذِكْرِكُمْ ءَابَاءَكُمْ أَوْ أَشَدَّ ذِكْرًا ۗ

Maksudnya :” Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan amalan ibadat Haji kamu, maka hendaklah kamu menyebut-nyebut dan mengingati Allah (dengan membesarkannya) sebagaimana kamu dahulu menyebut-nyebut (memuji-muji) datuk nenek kamu, bahkan dengan sebutan yang lebih lagi.” (Surah al-Baqarah : 200)

Mafhum daripada ayat tersebut, kita perlu mengisi masa-masa kita dengan zikrullah walaupun setelah selesai menunaikan ibadah haji. Berkata Sheikh al-Maraghi :

“Jika telah selesai daripada menunaikan haji, maka perbanyakkan berzikir kepada Allah dengan sebanyak-banyaknya...” (Tafsir al-Maraghi (2/105)

- Memperbanyakkan doa

Ini amat sesuai dikekalkan kerana semasa menunaikan haji, para Jemaah haji sentiasa berdoa dari semasa ke semasa. Ini berdasarkan firman Allah :

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ

Maksudnya :” Dan Tuhan kamu berfirman: "Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepadaKu, akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina.” (Surah Ghafir : 60)

Ibnu Kathir berkata :“Ini adalah di antara sifat kemuliaan Allah swt, di mana Allah memerintahkan hambanya untuk berdoa dan Dia sendiri menyatakan bahawa Dia bertanggungjawab untuk mengabulkannya.

Berkata Sufian al-Thauri :

يَا مَنْ أَحَبُّ عِبَادِهِ إِلَيْهِ مَنْ سَأَلَهُ فَأَكْتَرَّ سُؤَالَهُ وَيَا مَنْ أَبْغَضُ عِبَادِهِ إِلَيْهِ مَنْ لَمْ يَسْأَلْهُ وَلَيْسَ أَحَدٌ
كَذَلِكَ غَيْرِكَ يَا رَبِّ

Maksudnya :” Hamba yang paling disukai oleh Allah adalah sesiapa yang sentiasa meminta dan memperbanyakkan doanya. Dan yang paling dibenci adalah yang tidak meminta kepada-Nya. Tidak ada yang bersikap sebegitu selain dari Engkau wahai Tuhan.” (*Tafsir al-Quran al-‘Azim* (14/366)

- Sentiasa ke masjid dan berjemaah

Amalan ini telah dilakukan sebaik mungkin ketika berada di tanah suci melaksanakan ibadah haji. Ini melahirkan suasana harmoni dan masjid-masjid pasti dipenuhi dan sentiasa dimakmurkan.

Terdapat banyak sekali kelebihan solat berjemaah. Daripada Ibnu Umar bahawa Nabi saw bersabda :

صَلَاةُ الْجَمَاعَةِ أَفْضَلُ مِنْ صَلَاةِ الْفَذِّ بِسَبْعٍ وَعِشْرِينَ دَرَجَةً

Maksudnya :” Solat berjemaah lebih baik daripada solat bersendirian (dan ganjarannya) sebanyak 27 kali darjat.” (Riwayat Muslim (1509)

Daripada Uthman Bin Affan. Beliau berkata : Aku mendengar Rasulullah saw bersabda:

مَنْ تَوَضَّأَ لِلصَّلَاةِ فَأَسْبَغَ الوُضُوءَ ثُمَّ مَشَى إِلَى الصَّلَاةِ الْمَكْتُوبَةِ فَصَلَّاهَا مَعَ النَّاسِ أَوْ مَعَ الْجَمَاعَةِ أَوْ فِي الْمَسْجِدِ غَفَرَ اللَّهُ لَهُ ذُنُوبَهُ

Maksudnya :”Sesiapa yang berwuduk untuk solat dan menyempurnakan wuduknya. Kemudian dia berjalan untuk menunaikan solat fardu serta solat Bersama orang lain secara berjemaah atau solat di masjid. Maka Allah akan ampunkan dosanya.” (Riwayat Muslim (571)

Oleh itu teruskan lah amalan berjemaah ketika di Tanah Haram selepas dari menunaikan haji dan umrah serta jadikan sebagai rutin dalam hidup beragama.

- Menjadi agen perubah

Saban tahun, seramai 4 hingga 6 juta Jemaah haji datang ke Tanah Suci untuk menunaikan ibadah haji dan berazam untuk memperbaiki serta mengislah diri. Di samping berusaha membina jambatan hubungan dengan Allah (حبل من الله) dan juga jambatan hubungan dengan manusia (حبل من الناس). Ini sudah pasti memberi impak dan kesan yang sangat besar setibanya mereka di tanah air.

Jemaah haji Brunei Darussalam pada setiap tahun adalah sekitar 1 hingga 3 ribu orang. Bayangkan jika mereka boleh menjadi agen perubah kepada masyarakat sekeliling. Apa yang boleh dilakukan oleh Jemaah haji yang pulang ke tempat asal mereka?.

Mereka semua dapat melaksanakan dakwah kepada keluarga masing-masing dan kepada jiran tetangga. Peringatkan mereka tentang suruhan Allah dan jauhkan mereka dari larangan Allah. Jika ini dilakukan, sudah pasti nanti ramai yang akan taat dan patuh kepada seruan Ilahi. Antara dakwah yang boleh mereka lakukan ialah:

- Ke masjid

Jika Jemaah haji yang pulang komited untuk sentiasa memakmurkan masjid , alangkah indahnya. Bukan itu sahaja, bahkan lebih indah jika mereka mampu untuk mengajak orang lain untuk turut sama memakmurkan rumah Allah. Jika seorang haji boleh mengajak 5 orang untuk memenuhi masjid, sudah pasti setiap qaryah atau taman perumahan akan sentiasa dihiasi dengan orang yang sentiasa melazimi rumah Allah sepertimana suasana di Masjidil Haram dan Masjid Nabawi.

- Infaq dan waqaf.

Kalau setiap orang dari kalangan Jemaah haji yang pulang ke tanah air menginfakkan 100 ringgit sebulan atau mewaqafkan sedikit dari hartanya ke komuniti muslim, maka sudah pasti nilainya akan mencapai jutaan ringgit sebulan. Ini boleh menjadi satu sumber bagi menjana aktiviti keagamaan dan ekonomi umat islam.

- Membina keluarga bahagia.

Konsep *baiti jannati* (rumahku syurgaku) jika dipasak pada setiap Jemaah haji yang pulang dari tanah suci sudah pasti kita akan melahirkan ribuan keluarga muslim yang bahagia dan patuh kepada perintah Allah.

7. Iktibar dan renungan dari ibadah Haji

Dinukilkan dalam kertas kerja ini kisah kefahaman al Imam al-Junaid al- Baghdadi tentang syiar haji seperti yang tercatat dalam kitab *Mabadi al-Tasawuf al-Islami* oleh Syeikh Abdul Hafiz Faraghli Ali al-Qarani -129-130. Ada seorang lelaki yang baru menunaikan haji telah datang berjumpa dengan al-Junaid.

Lalu al-Junaid bertanya kepada lelaki tersebut: “Adakah kamu meninggalkan semua dosa-dosa kamu ketika meninggalkan rumah?” Jawab lelaki tersebut: Tidak.” berkata al-Junaid: “Sebenarnya kamu tidak pergi mana-mana.”

Tanya al-Junaid lagi: “Dan setiap tempat di mana kamu bermalam adakah kamu berhenti untuk Allah?” Jawab lelaki itu: Tidak.”Berkata al-Junaid: “Kamu tidak berhenti dari satu tempat ke satu tempat.”

Kemudian ditanya lagi: “Ketika kamu memakai ihram pada tempatnya adakah kamu meninggalkan sifat-sifat basyari (kemanusiaan) tatkala kamu menanggalkan baju kamu?” Jawab lelaki itu: “Tidak.” Berkata al-Junaid: “Sebenarnya kamu tidak berihram.”

Ditanya lagi: “Ketika wukuf di Arafah adakah kamu berfikir tentang Allah walaupun dalam satu saat?” Jawabnya: “Tidak.” Berkata al-Junaid: “Kamu tidak wukuf di Arafah. Ketika kamu pergi ke Mudzalifah untuk menunaikan rukun-rukun kamu adakah kamu menolak semua hawa nafsu?” Jawab lelaki tersebut: “Tidak.” Berkata al-Junaid: “Kamu tidak menunaikannya di Mudzalifah.

Junaid bertanya lagi: “Ketika kamu bertawaf di Baitullah adakah kamu memahami keindahan ilahi di rumah suci itu?” Jawab lelaki itu: “Tidak.” Berkata al-Junaid: “Kamu tidak bertawaf di Baitullah. Dan ketika kamu bersaie antara safa dan marwah adakah

kamu memahami apa itu al-Safa dan al-Marwah?” Jawab lelaki tadi: “Tidak.” Berkata al-Junaid: “Kamu tidak bersaie.” Kemudian ditanya lagi: “Ketika kamu sampai ke tempat korban dan kamu berkorban adakah kamu mengorbankan sebab-sebab keseronokan dunia?” Jawabnya lagi: “Tidak.” Berkata al-Junaid: “Kamu tidak berkorban. Dan ketika kamu melontar Jamrah adakah kamu melontar juga pemikiran-pemikiran jasadmu?” Jawab lelaki tersebut: “Tidak.” Berkata al-Junaid: “Kamu tidak melontar Jamrah bahkan kamu tidak menunaikan haji.”

Inilah kisah yang digambarkan kepada kita, contoh roh ibadat yang diamalkan oleh ahli sufi. Ia menunjukkan sejauh mana mereka mempertingkatkan diri mereka untuk sampai ke darjat yang tinggi dengan menunaikan syiar-syiar agama yang bertujuan untuk beribadat kepada Allah.

Penutup

Sehubungan dengan itu, setiap jemaah haji, jika mereka betul-betul mengambil manfaat dan semangat rehlah haji, sudah pasti matlamat لَيْسَ هَدُوا مَنفَع لَّهُمْ yang disebutkan oleh Allah akan tersebar ke tempat masing-masing. Ibadah haji yang dilakukan seharusnya menjadi mengubah keperibadian sehingga boleh mencapai redha Allah serta mampu menjadi qudwah dan suri teladan yang baik kepada anak bangsanya. Perubahan yang mereka bawa moga-moga menjadi kesan kepada masyarakat seterusnya mampu menjadi pemangkin kemajuan dan kegemilangan umat Islam.

Firman Allah :

فَإِذَا قَضَيْتُمْ مَنَاسِكَكُمْ فَادْكُرُوا اللَّهَ كَذِكْرِكُمْ آبَاءَكُمْ أَوْ أَشَدَّ ذِكْرًا ۗ فَمِنَ النَّاسِ مَن يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا وَمَا لَهُ فِي الْآخِرَةِ مِنْ خَلْقٍ (٢٠٠) وَمِنْهُمْ مَّن يَقُولُ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

Maksudnya :” Kemudian apabila kamu telah selesai mengerjakan amalan ibadat Haji kamu, maka hendaklah kamu menyebut-nyebut dan mengingati Allah (dengan membesarkannya) sebagaimana kamu dahulu menyebut-nyebut (memuji-muji) datuk nenek kamu, bahkan dengan sebutan yang lebih lagi. Dalam pada itu, ada di antara manusia yang (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami! Berilah kami kebaikan) di dunia". (orang-orang ini diberikan kebaikan di dunia) dan tidak ada baginya sedikitpun kebaikan di akhirat. Dan di antara mereka pula ada yang (berdoa dengan) berkata: "Wahai Tuhan kami, berilah kami kebaikan di dunia dan kebaikan di akhirat, dan peliharalah kami dari azab neraka". (Surah al-Baqarah : 200-201)

Menurut Sheikh Dr Wahbah al-Zuhaili menyatakan tentang tafsiran ayat tersebut :

“.. Ada juga orang yang memohon dua kebaikan iaitu di dunia dan di akhirat. Dia seolah berkata : Wahai Tuhan kurniakan kepada kami kehidupan yang bagi lagi bahagia di dunia

*dan juga kehidupan yang diredai dan tenang di akhirat. Permintaan kebahagiaan di akhirat tertakluk dengan amal yang baik dan bermanfaat. Dunia menuntut kita untuk berusaha mencari rezeki, bermuamalah dengan baik dan berakhlak dengan akhlak yang elok. Dan akhirat pula tidak diperoleh melainkan dengan iman dan amal soleh....Kebaikan di dunia ialah kesihatan, keamanan, kecukupan, anak dan isteri yang soleh serta kemenangan ke atas musuh. Kebaikan akhirat pula ialah kejayaan dengan memperoleh pahala dan bebas dari hukuman.” **al-Tafsir al-Munir** (2/212)*

Semoga kita semua termasuk dalam golongan yang berjaya di dunia dan akhirat dan amal ibadah kita khususnya para jemaah haji akan beroleh haji yang mabrur serta kekal istiqmah dalam berbuat ketaatan dan meninggikan kemungkaran. Amin.

Rujukan:

القرآن الكريم.

التفسير المنير في العقيدة والشريعة والمنهج, الناشر: دار الفكر المعاصر - بيروت، دمشق
الطبعة: الثانية، 1418 هـ

تفسير المراغي, مكتبة ومطبعة مصطفى البابي الحلبي وأولاده بمصر أحمد بن مصطفى المراغي (المتوفى: 1371هـ),

2010

صحيح البخاري (ط. دار ابن كثير); المؤلف: محمد بن إسماعيل البخاري أبو عبد الله; حالة الفهرسة: مفهرس فهرسة

كاملة; الناشر: دار ابن كثير 2010

مسلم بن الحجاج أبو الحسن: المسند الصحيح المختصر بنقل العدل عن العدل إلى رسول الله صلى الله عليه وسلم

القشيري النيسابوري (المتوفى: 261هـ), دار إحياء التراث العربي - بيروت 2010

Lathoif Al Ma'arif, Ibnu Rajab Al Hambali, Al Maktab Al Islami, cetakan pertama, 1428 H

Tafsir Al Qurthubi (Jaami' Li Ahkamil Qur'an), Muhammad bin Ahmad Al Anshori Al Qurthubi, 17/238, Mawqi' Ya'sub.

Mabadi' al-tasawwuf al-Islami : Prinsip-prinsip tasawwuf Islam , Sheikh Abdul Hafiz Faraghli Ali Al-Qarani , terjemahan alFadhil Ustaz Muhammad Zaidi bin Ramli, Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus, 2000

<http://www.saaaid.net/mktarat/hajj/r-b.htm>

<http://muftiwp.gov.my/ms/artikel/bayan-linnas/2584-bayan-linnas-siri-ke-146-apa-selepas-haji>

<https://rumaysho.com/1314-menggapai-haji-mabrur.html>

<https://rumaysho.com/2017-6-keutamaan-ibadah-haji.html>

<http://mahir-al-hujjah.blogspot.com/2009/07/ibadah-haji-dan-umrah-sebagai-rukun.html>